

D118

U B125 DEB  
MAHATHIR - PAS

ALOR SETAR, 17 OGOS (BERNAMA) -- PAS GAGAL PADA PILIHAN RAYA LEPAS KERANA KESILAPAN PARTI ITU SENDIRI YANG BERTANDING KONONNYA UNTUK MENJADI PEMERINTAH, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI SINI HARI INI.

JIKA PAS BERTANDING UNTUK MENJADI PEMBANGKANG PARTI ITU MUNGKIN MENANG BEBERAPA KERUSI PARLIMEN YANG LEBIH BERKESAN, KATANYA KEPADA BERNAMA DI LAPANGAN TERBANG KEPALA BATAS DEKAT SINI SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR.

MENURUT PERDANA MENTERI, RAKYAT KELIRU DAN TIDAK YAKIN PAS BOLEH BERKUASA SEBAB ITU MEREKA MENGAMBIL KESIMPULAN MEMBERI MANDAT YANG LEBIH BESAR KEPADA BN.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI BERADA DI KEDAH SELAMA DUA HARI UNTUK BERHARI RAYA HAJI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA Pengerusi BN BERKATA, DAP SEBALIKNYA BERJAYA MENAMBAH KERUSI PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI DENGAN MENYERTAI PILIHAN RAYA ATAS TEMA SEBAGAI PEMBANGKANG. -- LAGI.  
1152MST 17 08 86

D119

U B126 DEB  
MAHATHIR - PAS 2 ALOR SETAR

BELIAU BERKATA, PEMBANGKANG BOLEH MEMAINKAN PERANAN PENTING DI NEGARA, INI TETAPI SEPANJANG PERHATIAN BELIAU, DAP SENTIASA MEMBANGKANG SEMUA DASAR KERAJAAN SEKALIPUN DASAR ITU BAIK.

+INILAH BEZANYA ANTARA PEMBANGKANG DI NEGARA INI DENGAN NEGARA-NEGARA LUAR,+ KATANYA.

DI NEGARA-NEGARA LAIN YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI, PEMBANGKANG MEMAIN PERANAN YANG MEMBINA DAN TIDAK SEPERTI DI MALAYSIA, PEMBANGKANG MEMBANGKANG SEMUA YANG DIUTARAKAN OLEH KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, TERPULANGLAH KEPADA DAP YANG MEMENANGI 24 KERUSI PARLIMEN BAGAIMANA WAKIL-WAKIL MEREKA AKAN MELAKUKAN PERANAN SEBAGAI PEMBANGKANG YANG KONSTRUKTIF. -- BERNAMA.

1156MST 17 08 86